

**NO. SOALAN : 385**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]**

**SOALAN :**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

senaraikan kejayaan PEMANDU dalam mencapai objektif penubuhannya.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan sejak 16 September 2009. Peranan PEMANDU telah diwartakan di bawah peranan kementerian-kementerian dan agensi-agensi dengan objektif menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi dan secara keseluruhannya memantau dan menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI) Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Tujuan utama PEMANDU adalah untuk meninjau dan memantau pelaksanaan dan membantu penyelarasaran Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). PEMANDU juga menyediakan kemudahan dan sokongan bagi penyampaian NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) dan MKRA (Bidang Keberhasilan Utama Kementerian). Dalam melaksanakan tugas yang dimandatkan, PEMANDU juga membantu mencari jalan penyelesaian yang inovatif dan efektif, sekaligus menjadi pemudah-cara bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi pelaksana dalam menyelesaikan sebarang masalah berkaitan implementasi yang dihadapi oleh program-program transformasi tersebut.

Sementara tanggungjawab penyampaian menyeluruh untuk keberhasilan NKRA dan MKRA bergantung kepada Menteri yang

berkaitan, dan kejayaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bergantung kepada sektor swasta, PEMANDU telah diberi mandat untuk menjadi pemangkin perubahan dalam penyampaian sektor awam dan swasta, menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian dan menyediakan pandangan bebas berkaitan dengan prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri.

### **Memperkenalkan Penunjuk Prestasi Utama (KPI)**

Sejak penubuhannya, PEMANDU telah berjaya mengenal pasti matlamat hala tuju sebenar ('True North') untuk setiap NKRA dan NKEA, yang secara kolektif mewakili sasaran utama GTP dan ETP. Hala tuju yang telah disasarkan dan dipersetujui oleh kerajaan dan rakyat melalui 'Open Day' yang dilancarkan pada tahun 2010 di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu, adalah untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Matlamat hala tuju sebenar ini kemudiannya dibahagikan kepada inisiatif berasingan bagi setiap NKEA, yang kesemuanya mempunyai penunjuk prestasi utama (KPI) dan garis masa penyampaian masing-masing.

Pada tahun 2010, buat kali pertama di Malaysia, Kerajaan telah mempertanggungjawabkan Menteri-menteri terhadap prestasi melalui sasaran berorientasikan keputusan, iaitu Bidang Keberhasilan Kementerian (MKRA) dan *Ministerial Key Performance Indicators (MKPI)*. MKRA dan MKPI mentakrifkan dengan jelas hasil yang diharatkan untuk dicapai dan yang perlu dipertanggungjawabkan. Menteri-menteri juga diberikan scorecard yang dinilai semula oleh Perdana Menteri dua kali setahun. Manakala, status prestasi setiap inisiatif NKRA dan NKEA ini di kemaskini secara mingguan dan

kementerian yang berkenaan dapat mengakses status terkini KPI masing-masing melalui status papan pemuka KPI yang dikongsi bersama Perdana Menteri dan Ahli Jemaah Menteri yang lain. KPI NKRA dan NKEA ini seterusnya dinilai oleh PricewaterhouseCoopers (PwC) yang telah dilantik melalui proses tender sebagai juruaudit luar untuk menilai keputusan GTP dan ETP.

### **Memperkenalkan Jawatankuasa Khas untuk Memantau Prestasi**

PEMANDU telah berjaya mewujudkan jawatankuasa khas bagi memantau dan memastikan pelaksanaan inisiatif GTP dan ETP yang cekap dengan menyediakan platform untuk menangani halangan yang merintangi proses pelaksanaan. Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Pelaksanaan (DTF) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (SC) bertujuan untuk menyelesaikan masalah implementasi pada peringkat kementerian dan dipengerusikan oleh Menteri. Metodologi Penyelesaian Masalah (PSM) merupakan pelantar untuk membentangkan masalah yang tidak dapat diselesaikan di peringkat kementerian. PSM dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh ahli-ahli tetap yang terdiri daripada YAB Timbalan Perdana Menteri, YBhg Ketua Esekutif PEMANDU, YBhg Ketua Setiausaha Negara, YBhg Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi dan saya sendiri. PSM diadakan dua kali setahun di mana setiap isu dan langkah penyelesaian yang dikemukakan telahpun diselaras dan dinilai akan tahap keberkesanan oleh PEMANDU.

### **Proses 8 Langkah Transformasi**

Proses 8 Langkah Transformasi yang dibentuk oleh PEMANDU dalam menghasilkan keberhasilan besar yang pantas untuk memacu transformasi ialah satu pendekatan yang sistematik dan berstruktur yang

berasaskan diagnosis, perancangan, pelaksanaan dan maklum balas yang jelas; dilaksanakan secara bertahap bagi memastikan setiap langkah adalah telus dan mempunyai akauntabiliti.

### **Kejayaan tahun 2015**

Terdapat banyak kejayaan dalam usaha merealisasikan program transformasi negara. Antaranya, negara telah mencatat pertumbuhan purata KDNK 5.6 peratus sejak 2010. Pencapaian ini meletakkan Malaysia antara negara yang mencatatkan pertumbuhan terbaik di ASEAN pada tahun 2015. Kita juga telah dapat mengurangkan defisit fiskal Kerajaan, daripada 6.7 peratus pada 2009, kepada serendah 3.2 peratus pada 2015. Seramai 5.5 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar kini, dapat menikmati transformasi yang membabitkan kemudahan-kemudahan seperti air, elektrik dan jaringan jalan raya melalui program GTP. Terdapat banyak lagi kejayaan yang dapat saya kongsi bersama. Akan tetapi, untuk menjaga kepentingan penggunaan masa, saya ingin memohon agar YB merujuk kepada laporan tahunan Program Transformasi Negara yang baru dilancarkan pada 26 April 2016 oleh YAB Perdana Menteri.

### **Pengiktirafan Antarabangsa**

Pada tahun 2014, PEMANDU telah diiktiraf sebagai satu daripada 20 pasukan inovasi kerajaan terbaik dan terkemuka dunia oleh Yayasan Inovasi United Kingdom, Bloomberg Philanthropies dan Nesta berdasarkan kaedah dan amalan baharu yang diperkenalkan dalam menangani pelbagai isu dalam meningkatkan pencapaian sosio-ekonomi dan menggalakkkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ranking ini telah membuktikan PEMANDU sebagai pemangkin prestasi, telah mencerminkan bahawa Malaysia berada pada landasan betul dalam

aspirasi kita untuk mencapai status negara maju. Tambahan pula, universiti-universiti terkemuka dunia seperti Havard Business School dan Princeton Universiti mengenalpasti proses 8 langkah transformasi daripada PEMANDU sebagai contoh amalan terbaik.

Kesimpulannya, PEMANDU telah berjaya menjadi pemangkin transformasi bersama-sama dengan ETP, GTP membentuk tunjang Program Transformasi Negara (*National Transformation Programme*, NTP), yang direka khas untuk mewujudkan model tadbir urus yang lebih mantap dan berkesan, NTP menyasarkan untuk memperkemas proses dan menyuntik dorongan baharu kepada budaya kerja sedia ada serta menggiatkan kembali bidang fokus utama melalui pengenalan langkah-langkah yang inovatif.

Sekian, terima kasih.